

17 DEC 1998  
Singapura-Malaysia/I  
SINGAPURA, MALAYSIA SETUJU SELESAI ISU SECARA PAKEJ

Oleh: E.Sivabalan

HANOI, 17 Dis (Bernama) -- Singapura dan Malaysia hari ini bersetuju menyelesaikan secara pakej beberapa isu dua hala yang masih tergantung antara kedua-dua negara termasuk pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di stesen kereta api Tanjong Pagar di republik itu.

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata sementara pakej itu disiapkan, Singapura mungkin melanjutkan tarikh akhir untuk Malaysia mengemukakan hujah perundangannya secara bertulis bagi menyokong tuntutan haknya mengekalkan kemudahan KIK Malaysia di Tanjong Pagar.

Tarikh akhir itu tamat Selasa lepas.

Ketika bercakap kepada wartawan selepas mengadakan rundingan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, Goh berkata idea penyelesaian secara pakej itu telah dicadangkan oleh Dr Mahathir dan beliau (Goh) menyetujuinya.

Goh berkata selain kemudahan KIK, pakej itu juga mengandungi permintaan Singapura mendapatkan air dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh jet-jet Tentera Udara Diraja Singapura; permintaan Malaysia bagi pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat oleh rakyat Malaysia dari Semenanjung; dan langkah kerajaan Malaysia tidak membenarkan urusan saham dalam Central Limit Order Book (CLOB) Singapura.

"Perlu ada formula yang dapat menguntungkan kedua-dua pihak," kata Goh.

Goh berkata Singapura optimistik bahawa penyelesaian secara pakej itu dapat dilaksanakan demi manfaat bersama.

Beliau berkata tiada jangka masa ditetapkan untuk pakej penyelesaian itu.

"Para pegawai dari kedua-dua pihak akan menyiapkan butirannya," kata beliau.

Goh berkata beliau telah meminta supaya Malaysia "menyatakan secara bertulis" mengenai apa yang dimahukan Kuala Lumpur daripadanya.

Menurutnya Singapura sudah pun menyatakan secara bertulis apa yang ia mahukan dari Malaysia.

Mengenai KIK, Goh berkata kedudukan undang-undang Singapura adalah jelas.

"Tetapi dengan pakej ini, kita boleh membincangkan semula mengenainya. Kita mungkin memberikan mereka (Malaysia) satu lanjutan masa sehingga pakej itu disiapkan," katanya.

Semalam, Singapura mengeluarkan satu kenyataan bahawa Kuala Lumpur gagal mengemukakan hujah undang-undangnya bagi menyokong tuntutan haknya mengekalkan kemudahan KIK Malaysia di Tanjong Pagar sebelum tamatnya tarikh akhir itu pada 15 Dis.

Pada 30 Okt, Singapura telah bersetuju dengan permintaan Malaysia melanjutkan tarikh akhir itu selama enam minggu lagi.

Julai lepas, Singapura memindahkan operasi KIK dari Tanjong Pagar ke Woodlands manakala Malaysia mengekalkan kemudahan KIK itu di Tanjong Pagar.

Malaysia dan Singapura bersetuju untuk berusaha meningkatkan hubungan dua hala selepas kedua-dua pemimpin itu bertemu di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

-- BERNAMA  
ES NAK